

Soalan No: 50

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]**

**TARIKH : 16.11.2017**

**SOALAN :**

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah segera dalam mengatasi masalah keruntuhan akhlak yang semakin parah berlaku di kalangan anak-anak masyarakat kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memasukkan unsur pembinaan akhlak dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) melalui mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Kurikulum Pendidikan Islam yang telah dibangunkan oleh KPM merangkumi enam bidang pembelajaran iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Fiqah, Sirah dan Tamadun Islam serta Akhlak bagi melahirkan individu Muslim yang teguh akidah, baik amalan syariat, serta mulia akhlak dan budi pekerti.

Di samping itu, KPM turut memastikan semua murid di sekolah menyertai kegiatan kurikulum sama ada aktiviti sukan, kelab dan persatuan serta pasukan beruniform. Hal ini adalah seiring dengan Anjakan Tiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, iaitu melahirkan rakyat yang menghayati nilai serta menekankan kepada pembangunan murid secara holistik.

Justeru, dengan kombinasi penerapan nilai-nilai murni menerusi kurikulum dan aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah, dijangka akan memberi kesan positif terhadap sahsiah murid serta menghindar dan seterusnya membendung penglibatan murid-murid sekolah dalam gejala sosial yang tidak sihat.